

Pengasasan Kesultanan Pahang

1

- Pada abad ke-15, Pahang merupakan wilayah naungan Kesultanan Melayu Melaka.
- Seri Bija Diraja dilantik sebagai wakil mentadbir Pahang.
- Sultan Mansur Shah telah menghantar Raja Muhammad untuk ditabalkan sebagai Sultan Pahang.

2

- Raja Muhammad berangkat ke Pahang bersama-sama bangsawan Melaka.
- Mereka dilantik menjadi Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Hulubalang Besar untuk membantu mentadbir Pahang.

3

- Raja Muhammad mengasaskan Kesultanan Pahang dengan gelaran Sultan Muhammad Shah pada tahun 1470.

4

- Sultan Muhammad Shah mendirikan pusat pemerintahan di Pekan, berhampiran Kuala Sungai Pahang.
- Wilayah pemerintahan Kesultanan Pahang meliputi Sedili Besar hingga ke Terengganu.

5

- Sultan Abdul Jamil Shah (1495 – 1512) merupakan Sultan Pahang ketiga yang mengekalkan hubungan baik dengan Kesultanan Melayu Melaka.
- Baginda berjaya mempertahankan Pahang semasa diserang oleh Siam dengan bantuan daripada Kesultanan Melayu Melaka.

6

- Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah (1592 – 1614) tidak meninggalkan waris kerana puteranya, Raja Muda Abdullah mangkat.
- Oleh itu, Pahang diperintah oleh Kesultanan Johor Riau (1614 – 1884).
- Pada ketika itu, Pahang merupakan wilayah pegangan Bendahara Johor.

7

- Keluarga Bendahara Johor yang mentadbir Pahang telah mengasaskan Kesultanan Pahang yang baharu.
- Bendahara Siwa Raja Wan Ahmad ditabalkan sebagai Sultan Pahang dengan gelaran Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah pada tahun 1884.

Pengasasan Kesultanan Perak

1

- Pada abad ke-15, Perak merupakan wilayah naungan Kesultanan Melayu Melaka.
- Serangan Portugis menyebabkan Sultan Mahmud Shah dan keluarganya meninggalkan Melaka dan bersemayam di Kampar, Sumatera.

2

- Pembesar Perak bernama Tun Saban dan Nakhoda Kassim pergi ke Kampar menjemput putera Sultan Mahmud Shah, iaitu Raja Muzaffar untuk ditabalkan menjadi Sultan Perak.

3

- Raja Muzaffar berangkat ke Perak bersama-sama anak, isteri, pengikut dan pengiring.
- Baginda telah membawa alat kebesaran seperti Pedang Cura Si Manja Kini, sebilah keris, cap mohor, nobat dan Surat Ciri.

4

- Raja Muzaffar mengasaskan Kesultanan Perak dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1528.

5

- Sultan Muzaffar Shah mendirikan pusat pemerintahan yang pertama di Tanah Abang, di Pesisir Sungai Perak.
- Keturunan baginda mewarisi takhta kerajaan Perak hingga hari ini.

6

- Sultan Iskandar Dzulkarnain, Sultan Perak yang ke-15 telah memperkemas sistem pentadbiran negeri Perak dan mula mengguna pakai Undang-Undang 99 Perak.



Singgahsana Kesultanan Perak



Istana Iskandariah

Pengasasan Kesultanan Terengganu

1

- Sejak abad ke-16, Terengganu merupakan wilayah naungan Kesultanan Johor Riau.
- Pada tahun 1708, Sultan Abdul Jalil menganugerahkan Terengganu kepada Tun Zainal Abidin, putera kepada Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Johor Riau yang ke-11.

2

- Tun Zainal Abidin merupakan putera angkat kepada Raja Patani yang bergelar Nang Chayam (Raja Kuning).
- Raja Patani menyediakan kelengkapan untuk menabalkan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu.

3

- Tun Zainal Abidin berangkat ke Terengganu diiringi 80 orang keluarga Patani termasuk tokoh agama seperti Qadhi Wan Imam Mahmud dan Che Buang.
- Mereka membawa keris diraja, keris panjang Nang Chayam.

4

- Tun Zainal Abidin mengasaskan Kesultanan Terengganu pada tahun 1708 dengan gelaran Sultan Zainal Abidin I.
- Baginda mendirikan pusat pemerintahan di Tanjung Baru, Kuala Berang.
- Wilayah Terengganu meliputi Kemaman hingga ke Besut.

5

- Sultan Terengganu yang terkenal ialah Sultan Zainal Abidin III (1881 – 1918).
- Sumbangan baginda ialah menggubal Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (*Itqan al-muluk bi ta'dil al-suluk*), menubuhkan mahkamah syariah, menubuhkan pasukan polis, membina Istana Maziah serta memperkemaskan sistem sukat dan timbang.



Sultan Zainal Abidin III

Pengasasan Kesultanan Selangor

1

- Sejak abad ke-16, Selangor merupakan wilayah naungan Kesultanan Johor Riau.
- Pada abad ke-18, masyarakat Bugis yang menetap di Selangor semakin bertambah.
- Daeng Chelak berketurunan Bugis menjadi Yang di-Pertuan Muda.

2

- Putera Daeng Chelak, iaitu Raja Lumu menghadap Sultan Perak, Sultan Mahmud Shah untuk mendapatkan pengiktirafan bagi menjadi Sultan Selangor.
- Raja Lumu dianugerahkan nobat dan cap mohor.

3

- Raja Lumu mengasaskan Kesultanan Selangor pada tahun 1766 dengan gelaran Sultan Salehuddin Shah.

4

- Sultan Salehuddin Shah mendirikan pusat pemerintahan pertama di Kuala Selangor.
- Keturunan Sultan Salehuddin Shah mewarisi takhta Selangor hingga hari ini.

5

- Sultan Ala'iddin Suleiman Shah (1898 – 1938) merupakan Sultan Selangor yang terkenal.
- Sumbangan baginda ialah membina jalan raya, landasan kereta api, rumah serta kedai di Kuala Lumpur dan Klang.
- Kebijaksanaan baginda memerintah mendorong rakyat mengadakan sambutan Jubli Emas di Klang bersempena 40 tahun pemerintahan baginda.



Sultan Ala'iddin Suleiman Shah